

### **Adakah semua pekerja media diberikan kemudahan mengundi melalui pos ?**

- Hanya pekerja media yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh SPR layak untuk diberikan kemudahan mengundi melalui pos.
- Berkhidmat dengan agensi-agensi yang berdaftar dalam Direktori Media Awam 2017 yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia.

### **Apakah syarat-syarat untuk melayakkan pekerja media diberikan kemudahan mengundi melalui pos ?**

- Diperakukan oleh majikan sebagai pekerja media yang dikehendaki bertugas di luar kawasan pendaftarannya pada hari mengundi untuk membuat liputan pilihan raya.

### **KEADAAN-KEADAAN PEKERJA MEDIA YANG LAYAK UNTUK MEMOHON MENGUNDI MELALUI POS**

**Saya seorang wartawan dan tinggal di dalam kawasan Parlimen Seremban. Saya bekerja di Angkasapuri. Saya pemilih berdaftar di dalam Parlimen Kuantan. Pada hari mengundi, saya bertugas dengan perkara berkaitan dengan pilihan raya di pejabat saya di Angkasapuri. Adakah saya layak diberi kemudahan mengundi melalui pos ?**

- Ya. Layak diberikan kemudahan mengundi melalui pos.

**Saya seorang Jurugambar dan tinggal di dalam Parlimen Puchong. Saya bekerja di Putrajaya (dalam Parlimen Putrajaya). Saya pemilih berdaftar di dalam Parlimen Besut. Pada hari mengundi, saya bertugas dengan perkara berkaitan dengan pilihan raya di kawasan Parlimen Seremban. Adakah saya layak diberi kemudahan mengundi melalui pos ?**

- Ya. Layak diberikan kemudahan mengundi melalui pos.

### **KEADAAN-KEADAAN PEKERJA MEDIA YANG TIDAK LAYAK MEMOHON MENGUNDI MELALUI POS**

**Saya seorang penerbit rancangan sukan dan tinggal di dalam Parlimen Putrajaya. Saya bekerja di Putrajaya. Saya pemilih berdaftar di dalam Parlimen Padang Besar. Pada hari mengundi, saya bertugas dengan liputan sukan di**

**kawasan Parlimen Kemaman, Terengganu. Adakah saya layak diberi kemudahan mengundi melalui pos ?**

- Tidak layak kerana tidak membuat liputan pilihan raya dan perkara yang tidak berkaitan dengannya.

**Saya seorang wartawan sambilan dan tidak mempunyai agensi tetap. Saya pemilih berdaftar di dalam Parlimen Santubong. Pada hari mengundi, saya akan membuat liputan pilihan raya di kawasan Parlimen Kota Melaka. Adakah saya layak diberi kemudahan mengundi melalui pos ?**

- Tidak layak kerana tidak bekerja dengan agensi yang berdaftar dengan Jabatan Penerangan Malaysia.

**Bagaimana pekerja media boleh memohon untuk mengundi melalui pos ?**

- Permohonan adalah menggunakan Borang 1A yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang SPR.
- Isi Borang 1A dengan melengkapkan maklumat berikut seperti berikut:
  - Bahagian A: Bahagian Pilihan Raya, Nama, No KP, Alamat, Kategori dan Tandatangan
  - Bahagian B : Permohonan
  - Bahagian C : Perakuan Majikan

**Apakah alamat yang perlu ditulis dalam Borang 1A ?**

- Alamat di mana pemohon ingin sampul undi posnya diposkan kepadanya bagi maksud penghantaran Sampul Keutamaan dan kertas undi pos oleh Pegawai Pengurus kepada pemohon Pekerja Media.

**Siapakah yang layak memperakui Borang 1A ?**

- Majikan pemohon hendaklah memperakui bahawa pemohon adalah pekerja media yang dikehendaki bertugas di luar kawasan pendaftarannya pada hari mengundi untuk membuat liputan pilihan raya.

### **Bilakah Borang 1A yang telah lengkap diisi boleh dihantar kepada Pegawai Pengurus?**

- Bermula pada 19 Februari 2018 sehingga sebelum tarikh tutup iaitu pada Hari Penamaan Calon

### **Bagaimana Borang 1A dihantar kepada Pegawai Pengurus?**

- Borang 1A yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya yang berkenaan melalui faks atau pos atau serahan tangan.

### **Bagaimana saya boleh mendapatkan alamat dan nombor faks Pejabat Pegawai Pengurus bagi menghantar Borang 1A?**

- Alamat dan nombor faks Pejabat Pegawai Pengurus boleh diperolehi daripada laman sesawang SPR di [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my)

### **Apakah yang akan dibuat oleh Pegawai Pengurus apabila menerima Borang 1A?**

- Pegawai Pengurus akan memproses Borang 1A dengan menyemak status pemilih dan seterusnya akan memutuskan sama ada meluluskan atau menolak permohonan berkenaan.

### **Mengapa permohonan undi pos ditolak oleh Pegawai Pengurus ?**

- Borang 1A tidak lengkap.
- Bukan pemilih berdaftar dalam Bahagian Pilihan Raya yang berkenaan.
- Terima Borang 1A lebih awal dari 19 Februari 2018.
- Terima Borang 1A selepas tarikh tutup permohonan undi pos dalam negara.

### **Sekiranya permohonan saya ditolak, apakah yang akan dibuat oleh Pegawai Pengurus ?**

- Pegawai Pengurus akan memaklumkan melalui telefon atau secara bertulis kepada pemohon berkenaan dengan mengemukakan alasan mengapa permohonan tersebut ditolak.

### **Apakah yang akan dilakukan oleh Pegawai Pengurus setelah meluluskan permohonan saya ?**

- Pegawai Pengurus akan menyediakan sampul-sampul keutamaan dan dokumen berkaitan serta kertas undi pos untuk dihantar kepada pemohon.

### **Bagaimanakah sampul keutamaan dihantar kepada saya ?**

- Sampul Keutamaan tersebut akan dihantar menggunakan alamat yang diberikan oleh pemohon menggunakan perkhidmatan Surat Berdaftar daripada POS Malaysia Berhad.

### **Apakah tindakan saya apabila menerima Sampul Keutamaan ?**

- Baca dengan teliti “Arahan Kepada Pengundi” yang terdapat pada halaman belakang Borang 2 Parlimen dan Borang 2 Negeri.
- Pengundi pos boleh membuka Sampul undi pos di hadapan Saksi. Pengundi pos perlu menunjukkan Borang 2 dan Kertas Undi pos kepada Saksi.

Syarat-syarat menjadi saksi adalah seperti berikut:

- Seorang Warganegara Malaysia; dan
- Berumur 21 tahun ke atas
- Pengundi pos kemudiannya perlu menurunkan tandatangan pada Borang 2 sebelum Borang 2 tersebut disempurnakan oleh Saksi.
- Saksi perlu menurunkan tandatangannya dan mengisi maklumat seperti berikut ;
  - Nama
  - No. Kad Pengenalan
  - Alamat
- Pengundi seterusnya mengundi dengan menandakan pada kertas undi di bahagian sebelah kanan dengan memangkah bersetentangan dengan nama calon yang diundi, iaitu dengan tanda “X”. Penandaan kertas undi tidak memerlukan kehadiran saksi kerana **UNDI ADALAH RAHSIA**.
- Memasukkan kertas undi Parlimen yang telah ditandakan itu ke dalam sampul kecil bertanda “A” Parlimen dan menutupnya, kemudian memasukkan Kertas Undi Negeri ke dalam sampul kecil “A” Negeri.

- Memasukkan Sampul bertanda A Parlimen berserta Borang 2 Parlimen ke dalam Sampul Keutamaan B Parlimen yang beralamat Pegawai Pengurus dan ;
- Memasukkan Sampul A Negeri berserta dengan Borang 2 Negeri ke dalam Sampul Keutamaan B Negeri yang juga beralamat Pegawai Pengurus
- Gamkan Sampul Keutamaan B Parlimen dan Sampul Keutamaan B Negeri.
- Kedua-dua Sampul Keutamaan B yang beralamat Pegawai Pengurus tersebut hendaklah dihantar ke Pejabat Pegawai Pengurus dengan seberapa segera tanpa berlengah.

**Bilakah Sampul Keutamaan B perlu diterima kepada Pegawai Pengurus bagi memastikan undi dikira ?**

- Pegawai Pengurus perlu menerima Sampul Keutamaan B berkenaan sebelum pukul 5.00 petang pada Hari Mengundi.

**Bagaimana Sampul Keutamaan B dikembalikan kepada Pegawai Pengurus ?**

- Sampul-Sampul Keutamaan B boleh dihantar menggunakan perkhidmatan POS Malaysia atau serahan tangan kepada Pegawai Pengurus berkenaan.
- Kos penghantaran sampul berkenaan ditanggung oleh SPR dan pengundi tidak perlu melekatkan sebarang setem.
- Sampul-sampul Keutamaan B Parlimen dan Negeri perlulah dihantar ke alamat Pegawai Pengurus seperti mana tertera di sampul.